

# The Face of Healthy Beauty

## semakin mendebarkan

Empat peserta berbeza personaliti, latar belakang teruja terpilih ke peringkat akhir

**P**ERTANDINGAN *The Face of Healthy Beauty* yang dianjurkan Guardian semakin rancak dengan empat wajah dari kawasan rantau tengah terpilih ke peringkat final.

Mereka ialah Alwizah Al Yafii Ahmad Kamal, Karyll Chee Kar-Yee, Nur Aimi Abdul Ghani dan Nurul Ezzaty Hasbullah.

Mereka terpilih selepas berjaya meyakinkan juri dengan penampilan karakter dan personaliti yang meyakinkan.

Alwizah, 45, yang merupakan seorang peguam dan ibu kepada dua anak berkata, beliau pada asalnya tidak yakin akan ke peringkat akhir.

"Kesemua peserta semi final hebat belaka. Mereka juga hadir dengan semangat dan bertenaga ditambah dengan pakej kecantikan. Alhamdulillah, saya terpilih dan sehingga sekarang seperti tidak percaya," katanya yang berhasrat untuk menjadi duta kecantikan dan kesihatan jika diberi peluang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, South East Asia, Guardian Healthy and Beauty Sdn Bhd, Soren Lauridsen pula sekali lagi menekankan bahawa *The Face of Healthy Beauty* bukanlah satu pertandingan ratu cantik.

"Pada kami, sihat dan cantik ialah merujuk kepada individu yang 'diselimuti' kehidupan dengan cara yang sihat, mempunyai stail tersendiri dan personaliti yang menyenangkan.



**PARA** peserta semi final rantau tengah.

"Selain itu, mereka juga perlu memiliki sikap yang positif di samping memberi keutamaan kepada kesihatan termasuk kecantikan luaran dan dalaman," katanya dalam kenyataan media baru-baru ini.

Pertandingan akhir *The Face of Healthy Beauty* akan berlangsung di Shah Alam, Selangor pada 27 Julai depan.

Selain pemenang utama, terdapat juga beberapa kategori lain yang dipertandingkan mengikut penaja tertentu iaitu:

- 1) Kategori Paling Sihat (Blackmores)
- 2) Paling Elegan (Bio-essence)
- 3) Paling Kelihatan Muda (Garnier)
- 4) Paling Menawan (L'Oreal)
- 5) Paling Bersemangat (Maybelline)
- 6) Paling Ceria (Safi)
- 7) Paling Menawan (TRESemme)



Pemenang akan menandatangani kontrak satu tahun sebagai duta Guardian, wang tunai RM10,000, baucar Guardian RM10,000 dan RM5,000 setiap seorang untuk disumbangkan kepada organisasi kebajikan pilihan mereka. Untuk maklumat lanjut, layari <https://theface.guardian.com.my>.